

**PEMBANGUNAN KERANGKA SISTEM UNTUK PENGIKTIRAFAN
PEMBELAJARAN TERDAHULU BAGI LATIHAN GURU
TEKNIK DAN VOKASIONAL DI MALAYSIA**

AZAD MUSLIM BIN MUHAMMAD @ MOHAMMAD

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional

**Fakulti Pendidikan Teknikal
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**

APRIL, 2009

Teristimewa buat ABAH dan MA yang dikasihi.....

Hj. Muhammad Bin Hj. Abd. Razak dan Hjh. Zaharah Binti Mat Noor,

“Terima kasih atas segalanya pengorbanan kalian”

Teristimewa buat keluarga yang dikasihi.....

Along, Ngah, Yana dan Yatie,

“Kalianlah pembakar semangat hidupku”



PTTA
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kepada Tuhan kerana dengan keizinan dan keredaan-Nya, Projek Sarjana ini telah berjaya disiapkan mengikut waktu yang ditetapkan.

Di sini saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada penyelia yang di hormati dan disayangi, **PM. Dr Noraini Bt Kaprawi** di atas segala bimbingan dan dorongan yang diberikan sepanjang tempoh penyelidikan projek ini. Segala tunjuk ajar beliau amat bererti bagi saya untuk terus berusaha dalam mencipta sebuah kejayaan hidup.

Jutaan terima kasih khas buat Abah dan Ma tercinta dan kakak-kakakku di atas sokongan dan dorongan yang di berikan dalam menyiapkan projek ini. Untuk rakan seperjuangan, jasa dan pertolongan kalian amat bererti dan akan sentiasa menjadi ingatan. Ribuan terima kasih yang tidak terhingga buat sahabatku Raja Norazilla Binti Raja Yunus dan Bahril Bin Balli. Semoga Allah sentiasa memberkati persahabatan kita semua sehingga ke akhir hayat.

Akhir sekali, jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung serta staf-staf di Fakulti Pendidikan Teknikal UTHM.

Sekian, terima kasih. Wassalam

ABSTRAK

Latihan guru untuk teknik dan vokasional memerlukan perkembangan untuk meningkatkan kualiti, keberkesanan dan relevan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Melalui Pengiktirafan Pembelajaran Terdahulu, sistem latihan guru teknik dan vokasional di Malaysia dapat dipertingkatkan dalam usaha untuk mendapatkan pengiktirafan peringkat antarabangsa. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti domain dan kriteria domain serta kaedah penilaian yang berkesan dalam menghasilkan kerangka sistem untuk Pengiktirafan Pembelajaran Terdahulu bagi latihan guru teknik dan vokasional di Malaysia. Kajian ini berbentuk kajian kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik kepada sampel yang telah dipilih. Persampelan bertujuan telah digunakan dalam kajian ini ke atas 69 orang pakar dari tujuh buah institusi awam dan swasta telah dipilih seperti Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Terbuka Malaysia, Universiti Tun Abdul Razak, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Kementerian Sumber Manusia dan Agensi Kelayakan Malaysia. Data yang dikumpulkan kemudiannya di analisis menggunakan perisian SPSS versi 11.5 (*Statistical Packages for The Social Sciences*). Dapatan kajian mendapati kesemua domain dan kriteria domain tersebut adalah diperlukan dalam membangunkan kerangka sistem untuk Pengiktirafan Pembelajaran Terdahulu bagi latihan guru. Sebuah kerangka sistem yang sesuai untuk menilai Pengiktirafan Pembelajaran Terdahulu bagi latihan guru teknik dan vokasional telah dihasilkan dengan berbantuan maklumbalas responden dan sintesis dapatan kajian. Pengkaji berharap agar satu kajian *Delphi* dijalankan untuk memantapkan lagi kerangka sistem ini dalam usaha untuk membentuk satu panduan piawai bagi pelaksanaan penilaian Pengiktirafan Pembelajaran Terdahulu di Malaysia.

ABSTRACT

Teacher training for technical and vocational requires significant development to enhance the quality, effectiveness and relevant in the teaching and learning processes. Through Recognition of Prior Learning (RPL), TVET teacher training's system in Malaysia can be enhanced in effort to seek international level recognition. This study aimed to identify domain and effective criteria as well as evaluation method in generating system framework for RPL of TVET's teacher training in Malaysia. The quantitative research was done by giving questionnaires to selected samples. Purposive sampling was conducted upon 69 experts from seven public and private institutions which comprised of Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Terbuka Malaysia, Universiti Tun Abdul Razak, Ministry of Higher Education, Ministry of Human Resource and Malaysian Qualification Agency. The collected data was analyzed using the SPSS version 11.5, for windows software (*Statistical Packages for the Social Sciences*). The result from this research indicated that all the domains and criteria for each domain mentioned are needed in order to develop system framework for RPL of TVET's teacher training. From the research finding, the system framework for RPL of TVET's teacher training has been developed based on the respondents' feedback and the research synthesis. The researcher hopes that a Delphi research will be carried out in order to improve this system framework and hopefully it can be used as the standard guideline for RPL assessment performance in Malaysia.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	i
	PENGESAHAN PENYELIA	ii
	HALAMAN JUDUL	iii
	HALAMAN PENGAKUAN	iv
	HALAMAN DEDIKASI	v
	HALAMAN PENGHARGAAN	vi
	ABSTRAK	vii
	ABSTRACT	viii
	HALAMAN KANDUNGAN	ix
	HALAMAN SENARAI JADUAL	xiv
	HALAMAN SENARAI RAJAH	xvi
	HALAMAN SENARAI SINGKATAN	xvii
	HALAMAN SENARAI LAMPIRAN	xix
BAB I	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	4
	1.3 Pernyataan Masalah	8
	1.4 Tujuan Kajian	9
	1.5 Objektif Kajian	9
	1.6 Persoalan Kajian	10
	1.7 Skop Kajian	11

1.8	Kepentingan Kajian	12
1.9	Batasan Kajian	12
1.10	Definisi Konseptual & Pengoperasian	13
1.11	Kerangka Kerja Kajian	19

BAB II KAJIAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	21
2.1	Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional	23
	2.1.1 Sejarah PLTV	24
2.2	Latihan Guru Teknik dan Vokasional	28
2.3	Pembangunan Modal Insan	33
2.4	Kerangka Kelayakan Malaysia	35
2.5	Akreditasi	38
2.6	Akreditasi di Malaysia	41
2.7	Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan	43
2.8	Akreditasi Pembelajaran Terdahulu	43
2.9	Pengiktirafan Pembelajaran Terdahulu	44
	2.9.1 Sejarah Pengiktirafan Pembelajaran Terdahulu	46
	2.9.2 Definisi Pengiktirafan Pembelajaran Terdahulu	46
2.10	Pengiktirafan Pembelajaran Terdahulu Di Luar Negara	47
	2.10.1 Pengiktirafan Pembelajaran Terdahulu di Australia	48
	2.10.2 Pengiktirafan Pembelajaran Terdahulu di Kanada	50
	2.10.3 Pengiktirafan Pembelajaran Terdahulu di Afrika Selatan	50
2.11	Pengiktirafan Pembelajaran Terdahulu Di Malaysia	51
	2.11.1 Pentauliahan Pengetahuan Terkumpul (PPT)	51
	2.11.2 Universiti Terbuka Malaysia (OUM)	53
	2.11.3 International Postgraduate Facilitator Management CENTRE (IPFM)	54

2.11.4	Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR)	56
2.11	Penutup	56

BAB III METODOLOGI

3.1	Pengenalan	58
3.2	Rekabentuk kajian	58
3.3	Lokasi Kajian	61
3.4	Populasi dan Persampelan	61
3.5	Instrumen Kajian	62
3.5.1	Soal Selidik	63
3.5.1.1	Format Borang Soal selidik	65
3.5.2	Temubual	66
3.6	Kajian Rintis	67
3.7	Kaedah Pengumpulan Data	68
3.7.1	Sumber Data Primer	69
3.7.2	Sumber Data Sekunder	69
3.8	Kaedah Penganalisan Data	69
3.9	Pengkodan Dalam Data Temu Bual	71
3.10	Andaian Kajian	72
3.11	Penutup	73

BAB IV ANALISIS KAJIAN

4.1	Pengenalan	74
4.2	Profil Responden	75
4.3	Analisis Dapatan Kajian	77
4.3.1	Domain dan kriteria yang perlu dalam menghasilkan kerangka sistem untuk Pengiktirafan Pembelajaran Terdahulu bagi latihan guru PLTV di Malaysia	78
4.3.1.1	Domain Utama Kerangka Sistem	78
4.3.1.2	Kriteria Domain Pengetahuan	80

4.3.1.3	Kriteria Domain Kemahiran	81
4.3.1.4	Kriteria Domain Pencapaian	82
4.3.1.5	Kriteria Domain Pembelajaran	83
4.3.1.6	Kriteria Domain Pengalaman	84
4.3.2	Kaedah penilaian yang berkesan dalam kerangka sistem untuk Pengiktirafan Pembelajaran Terdahulu bagi latihan guru PLTV di Malaysia	86
4.3.3	Reka Bentuk Dan Pentaksiran Kerangka Sistem	87
4.4	Analisis Data Temubual	90
4.5	Penutup	95
BAB V	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	96
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	97
5.2.1	Profil Responden	97
5.2.2	Domain dan kriteria-kriteria yang diperlukan dalam menghasilkan kerangka sistem untuk Pengiktirafan Pembelajaran Terdahulu bagi latihan guru PLTV di Malaysia	99
5.2.2.1	Kriteria Domain Kemahiran	101
5.2.2.2	Kriteria Domain Pengetahuan	103
5.2.2.3	Kriteria Domain Pengalaman	104
5.2.2.4	Kriteria Domain Pencapaian	106
5.2.2.5	Kriteria Domain Pembelajaran	107
5.2.3	Kaedah Penilaian yang sesuai untuk penilaian Pengiktirafan Pembelajaran Terdahulu bagi latihan guru PLTV di Malaysia	108
5.3	Rekabentuk Kerangka Sistem yang berkesan Untuk Pengiktirafan Pembelajaran Terdahulu (RPL) untuk	112



	latihan Guru PLTV di Malaysia	
5.4	Cadangan	113
	5.4.1 Cadangan Kajian Selanjutnya	114
5.5.	Kesimpulan	114
5.6	Penutup	116
	RUJUKAN	117
	LAMPIRAN	123



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Tempoh pengalaman bekerja yang mesti dimiliki oleh pemohon untuk tujuan pengiktirafan.	52
3.1	Format Borang Soal Selidik.	66
3.2	Kebolehpercayaan item bagi setiap kriteria.	68
3.3	Analisa Skala Likert	70
3.4	Analisa Skala Likert	70
3.5	Jadual Pengkodan	72
4.1	Profil Responden	75
4.2	Analisa Skala Likert	77
4.3	Skor Min Domain Utama bagi Kerangka Sistem	79
4.4	Skor Min Kriteria Domain Pengetahuan	80
4.5	Skor Min Kriteria Domain Kemahiran	81
4.6	Skor Min Kriteria Domain Pencapaian	82
4.7	Skor Min Kriteria Domain Pembelajaran	84
4.8	Skor Min Kriteria Domain Pengalaman	85
4.9	Skor Min dan Tahap Keperluan kaedah penilaian yang sesuai untuk menilai RPL bagi latihan guru PLTV di Malaysia	86
4.10	Kriteria calon yang layak memohon RPL	90
4.11	Perkembangan RPL bagi latihan guru PLTV di Malaysia	91
4.12	Domain yang sesuai membangunkan Kerangka Sistem	91
4.13	Kriteria yang sesuai bagi setiap domain	92

4.14	Kaedah penilaian RPL bagi latihan guru di Malaysia	93
4.15	Penilai yang layak untuk menilai calon	94
4.16	Kepentingan RPL untuk dunia pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia	94



PTTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI RAJAH

NO	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka kerja kajian. Di adaptasi dan diubahsuai daripada John et.al (2005), Gregory C. McLaughlin (1997) dan Steve Smith (1997).	20
3.1	Reka bentuk Kajian	60
4.1	Kerangka Teori Penghasilan Kerangka Sistem	89



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI SINGKATAN

ABET	Accreditation Board for Engineering and Technology
APEL	Accreditation of Prior and Experiential Learning,
BEM	Lembaga Jurutera Malaysia
BJK	Bahagian Jaminan Kualiti
DKM	Diploma Kemahiran Malaysia
DLKM	Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia
ETAC	Educational Technology Advisory Committee
IEM	Institute Engineering Malaysia
ILP	Institut Latihan Perindustrian
IPFM	International Postgraduate Facilitator Management CENTRE
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
KKM	Kerangka Kelayakan Malaysia
KPTM	Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
KSM	Kementerian Sumber Manusia
LAN	Lembaga Akreditasi Negara
MPOB	Malaysia Palm Oil Board
MQA	Malaysia Qualification Agency
NTB	Lembaga Latihan Kebangsaan Australia
NMIT	Nelson Marlborough Institute Of Technology
NICATS	The Northern Ireland Credit Accumulation and Transfer System
NOS	National Occupational Skill
NOSS	National Occupational Skill Standards

OUM	Open University Of Malaysia
PBF	Pendidikan Bukan Formal
PLTV	Pendidikan Latihan teknik Dan Vokasional
PTT	Pentauliahan Pengetahuan Terdahulu
RMK-9	Rancangan Malaysia ke-9
R & D	Research And Development
RPL	Recognition Of Prior Learning
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
TQM	Total Quality Management
TVET	Technical and Vocational Educational Training
TT-TVET	Teacher Training - Technical and Vocational Educational Training
UNESCO	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization
UTHM	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
UNIKL	Universiti Kuala Lumpur
UK	United Kingdom
VEETAC	Vocational Education Employment and Training Advisory Committee



SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Surat kebenaran daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan lokasi kajian	123
B	Pengesahan pakar dan borang soal selidik	140
C	Nilai <i>Alpha Cronbach</i> (kajian rintis)	151
D	Laporan Analisis SPSS	158
E	Rekabentuk kerangka sistem untuk Pengiktirafan Pembelajaran Terdahulu bagi latihan guru PLTV di Malaysia	167
F	Laporan Temubual	185

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam menghadapi perubahan teknologi dan ekonomi yang dialami dunia global hari ini, pelbagai cabaran dan halangan perlu ditempuhi dalam usaha untuk meningkatkan aspek pembangunan negara. Ia merangkumi seluruh aspek politik, ekonomi dan sosial. Maka tidak hairan apabila kebanyakan rakyat kini sudah mula sedar tentang cabaran yang bakal mereka hadapi. Oleh itu, sebagai persediaan awal, mereka berusaha keras untuk mempertingkatkan kompetensi diri masing-masing. Ini kerana negara kita memerlukan guna tenaga tempatan yang boleh mendokong hasrat kerajaan untuk meletakkan Malaysia di persada ekonomi dunia. Untuk membolehkan Malaysia bersaing dalam ekonomi global, majikan memerlukan guna tenaga yang berkemahiran dan berkebolehan. Pendidikan merupakan jalan penyelesaian untuk penghasilan guna tenaga ini. Sesuai dengan dasar kerajaan yang menekankan aspek pembangunan modal insan, perancangan rapi harus dibuat, khususnya pada peringkat pengajian tinggi. Pembangunan modal insan menurut Abdullah Ahmad Badawi (2006) merupakan prasyarat penting untuk memacu pertumbuhan rantaian ekonomi bernilai tinggi yang

berpaksikan pengetahuan dan teknologi. Sistem pendidikan dan latihan akan diorientasikan semula supaya pengetahuan, kemahiran dan kepakaran yang diperolehi oleh rakyat Malaysia akan dapat menyokong dengan berkesan pembangunan masyarakat berasaskan pengetahuan.

Seperti sedia maklum, pendidikan merupakan industri berjuta ringgit dan ianya amat penting bagi memajukan sesebuah negara. Ianya menentukan masa hadapan negara terutamanya pendidikan kejuruteraan apabila negara tersebut ingin menjadi negara maju berlandaskan perindustrian seperti yang dinyatakan dalam Wawasan 2020. Menurut Nor Hazimah Ismail (2000), institusi pendidikan memainkan peranan penting ke arah pencapaian matlamat pendidikan negara iaitu mewujudkan sistem pendidikan bertaraf dunia. Satu etika kerja yang mantap dan berkualiti tinggi perlu diamalkan untuk memastikan semua warga pendidik mempunyai sifat-sifat luhur, bertanggungjawab dan tahap profesionalisme yang tinggi dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Justeru itu tidak dapat tidak, dalam menempuh era persaingan yang mementingkan kualiti, satu tahap piawaian kualiti dalam penjaminan kualiti bagi menghasilkan pendidik-pendidik yang bermutu juga tidak ketinggalan.

Kerangka sistem merupakan satu asas untuk melahirkan graduan yang berkelayakan terutama di dalam latihan guru. Justeru itu, untuk menghasilkan warga pendidik yang bermutu terutamanya untuk pengiktirafan pengetahuan terkumpul terdahulu memerlukan satu kerangka sistem untuk latihan guru bagi Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) di Malaysia. Kerangka sistem adalah diperlukan bagi memperoleh pengiktirafan atau pengakreditasi bagi sesebuah program. Akreditasi adalah satu pengiktirafan rasmi kepada program bahawa sijil, diploma atau ijazah yang akan dianugerahkan kepada graduan adalah selaras dengan piawaian yang telah ditetapkan (Muhammad Muammar Ghadaffi Omar, 2004). Sistem akreditasi telah dilaksanakan dalam sistem pendidikan tinggi yang termashyur di dunia seperti di negara Jerman, Perancis, United Kingdom, Amerika Syarikat dan Australia. Negara Jerman

telah melaksanakan sistem akreditasi yang merupakan prasyarat kepada kelulusan setiap negeri atau *Lander*. Akreditasi ini dijalankan oleh badan-badan bebas antaranya persatuan institusi pengajian tinggi (IPT) dan pengamal profesion yang telah diakredit oleh Majlis Akreditasi.

Sistem akreditasi di Perancis pula adalah berdasarkan institusi dan menilai bukan sahaja pada aspek akademik dan penyelidikan tetapi juga aspek kebajikan pelajar dan lain-lain aspek yang menyumbangkan kepada pembentukan persekitaran pendidikan tinggi yang sihat. Akreditasi di Perancis dilaksanakan oleh *Committee National Evaluation* (CNE) yang ditubuhkan di bawah undang-undang bertulis dan bertanggungjawab terus kepada Perdana Menteri. Dalam sistem pendidikan tinggi di United Kingdom, terdapat perbezaan pendekatan akreditasi ke atas institusi yang boleh menganugerahkan kelayakan pengajian tinggi dan institusi yang menganugerahkan pendidikan lanjutan. Bagi pendidikan tinggi, akreditasi adalah berasaskan institusi atau subjek (mirip kepada berasaskan fakulti). Manakala, bagi institusi pendidikan lanjutan wujud elemen akreditasi berasaskan program pengajian dengan kebanyakannya mempunyai piawaian yang lebih preskriptif. Pendekatan ini dirumuskan sebagai usaha mengekalkan elemen autonomi dan fleksibiliti dalam pendidikan dan penyelidikan yang pelbagai di universiti.

Di Malaysia, kewujudan pendidikan tinggi yang berkualiti merupakan hasrat kerajaan dalam usaha merealisasikan polisi menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan tinggi serantau (Mohamed Suleiman, 2004). Antara badan yang menjalankan sistem akreditasi adalah Agensi Kelayakan Malaysia atau Malaysian Qualification Agency (MQA), Bahagian Jaminan Kualiti (BJK), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM). MQA adalah badan yang bertanggungjawab memberi Perakuan Akreditasi kepada institusi pengajian tinggi di Malaysia dan BJK pula telah ditubuhkan pada bulan April 2002 sebagai agensi nasional yang dipertanggungjawabkan

untuk mengurus dan menyelia sistem jaminan kualiti institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Manakala JPK telah menyediakan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan atau *National Occupation Skills Standards* (NOSS) sebagai garis panduan dalam memastikan program latihan yang disediakan di Malaysia adalah selari dengan keperluan sebenar di tempat kerja. JPK adalah salah satu daripada komponen yang terdapat dalam sistem latihan dan pendidikan latihan teknik dan vokasional (PLTV) di Malaysia.

PLTV adalah dilihat sebagai pendidikan yang mempunyai perkembangan yang baik di Malaysia. Ini adalah kerana permintaan yang tinggi dalam sektor perindustrian samada daripada keperluan pekerja profesional dan separuh profesional. Ini disokong dengan keperluan yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMK-9) yang memberi penekanan kepada industri pembuatan di Malaysia. Dalam pendidikan PLTV di Malaysia, keperluan terhadap latihan di tempat kerja dilihat sebagai berkepentingan dalam meningkatkan produktiviti tenaga kerja terutama dalam sektor perindustrian. Ini adalah selaras dengan Misi Nasional yang dibentangkan dalam RMK-9, yang menyentuh tentang pembangunan modal insan. Modal insan negara yang berkualiti menjadi teras pembangunan dalam tempoh RMK-9. Antara kaedah holistik yang direncanakan kerajaan adalah dengan melalui pendidikan, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat.

1.2 Latar Belakang Masalah

Agenda nasional Malaysia untuk menjadi negara maju menjelang 2020 dilihat sebagai pemangkin untuk menjana pengetahuan dan meningkatkan permintaan terhadap sumber tenaga profesional dan separa profesional yang kreatif dan inovatif dalam semua

bidang terutamanya dalam bidang teknikal. Bagi memastikan agenda ini dapat ditangani dengan berkesan, universiti perlu melahirkan graduan yang berkualiti dari aspek akademik, kemahiran praktikal, mempunyai budaya keusahawanan serta memiliki nilai-nilai yang positif. Mohd Nor Husain (2003) telah membincangkan isu ini dan beliau mencadangkan agar semua program akademik yang ditawarkan relevan dengan permintaan industri dalam usaha untuk merealisasikan hasrat ini tercapai. Pihak universiti perlu peka dengan keadaan ini dalam usaha untuk memperkemaskan lagi sistem pendidikan negara untuk menghasilkan graduan yang mampu untuk bersaing di peringkat global. Oleh itu, guru merupakan faktor yang penting dan utama untuk menghasilkan graduan yang berpengetahuan dan berkemahiran selaras dengan misi negara untuk meningkatkan tenaga kerja kepada 12.4 juta pada tahun 2010. Walaubagaimanapun, guru bukan sahaja perlu mempunyai pengetahuan dalam bidang perkhuisan tetapi juga kemahiran yang tinggi dalam usaha untuk menghasilkan graduan yang kompeten dalam dunia semasa. Oleh kerana itu, bagi memastikan kualiti graduan ditingkatkan, kualiti guru juga perlu sama ditingkatkan dari segi pengetahuan, kemahiran mahupun pengalaman.

Menurut Musa Mohamad (2002), pelaksanaan program untuk menukarkan pengalaman kerja kepada mata kredit bagi meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi perlu dilakukan. Menurut beliau lagi pengalaman kerja yang dikutip sewaktu bekerja adalah setara dengan pengetahuan yang diperolehi di universiti yang mana sepatutnya memperolehi kredit pengecualian untuk layak masuk universiti. Isu ini juga di bentangkan oleh Lembaga Akreditasi Pendidikan Vokasional Dan Latihan di Australia pada April 2007, dimana Lembaga Penilaian Kurikulum mencadangkan agar mengenalpasti keratan rentas dalam cadangan sokongan untuk pengiktirafan pengetahuan terdahulu. Menurut Jailani (2004) pula, agenda Malaysia adalah untuk memfokuskan kepada pembangunan ekonomi yang berkualiti tinggi dan berterusan di mana untuk menjadikan sumber manusia kelas pertama di mana pembangunan ekonomi ini termasuklah prospek untuk memajukan pengeluaran dan pembinaan keupayaan pengetahuan yang tinggi pada tahap kelayakan lanjutan. Ini bermakna pekerja-pekerja

yang berpengetahuan, mempunyai kemahiran yang tinggi dan berpengalaman dijangka akan memainkan peranan yang penting dalam pengeluaran yang baru dan berinovasi. Mereka yang berpengalaman ini boleh dilatih untuk menjadi seorang guru yang berkualiti untuk menghasilkan graduan yang mampu bersaing di peringkat global.

Namun begitu usaha yang dicadangkan itu tidak mungkin berhasil kerana di Malaysia ini belum ada kerangka piawai yang boleh digunakan secara menyeluruh di dalam bidang PLTV, apatah lagi Kerangka Sistem yang berkesan Pengiktirafan Pembelajaran Terdahulu bagi latihan guru PLTV. Berikutan dengan itu juga, Malaysia mengambil inisiatif untuk merekabentuk kerangka piawai melalui perbincangan yang dibuat semasa bersama *stakeholders* yang terdiri daripada pakar-pakar dari Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Sumber Manusia merangkumi Institut Pengajian Tinggi, pusat latihan dan industri di IOI Palm Garden Resort, Putrajaya pada 28 Februari 2007.

Di Deklarasi Hangzhou, daripada *UNESCO International Meeting on Innovation and Excellence in TVET Teacher/Trainer Education* yang berlangsung daripada 8 hingga 10 November 2004 di Hangzhou, China bersetuju bahawa PLTV harus dibangunkan pada peringkat komuniti antarabangsa, pertukaran pelajar dan tenaga pengajar pada peringkat antarabangsa harus ditambah dan peningkatan kemahiran vokasional untuk kebolehpekerjaan hanya boleh dicapai jika terdapat peningkatan dalam kualiti, keberkesanan dan relevan dalam proses pengajaran. Begitu juga, interaksi yang efektif diantara pelajar dan tenaga pengajar harus diletakkan di dalam kualiti PLTV. Dalam mencapai objektif yang dinyatakan dalam deklarasi ini, PLTV perlu mempunyai inovasi dan kecemerlangan yang tinggi. Daripada itu, kesemua 68 peserta daripada 25 buah negara bersetuju untuk berganding bahu dan bekerjasama dalam meningkatkan sistem latihan guru PLTV.

Menurut Jailani (2004), dalam memenuhi keperluan Wawasan 2020 negara Malaysia memerlukan pekerja berpengetahuan ataupun *k-worker*. Tenaga kerja ini haruslah individu yang mempunyai kemahiran teknikal yang tinggi yang juga mempunyai pengalaman *hands-on*. Golongan ini dikenalpasti memainkan peranan penting dalam produktiviti negara. Oleh itu, dalam menyediakan golongan ini, sistem pendidikan PLTV dilihat bukan sahaja memerlukan peningkatan daripada institusi malahan daripada peringkat program latihan guru PLTV. Oleh kerana itu, disamping keperluan tenaga kerja berkemahiran tinggi dikenalpasti, keperluan kepada tenaga pengajar yang berkepakaran tinggi juga diperlukan.

Isu ini juga telah dibincangkan di dalam mesyuarat Majlis Pendidikan Tinggi Negara (MPTN) pada 29 November 2005 yang mana pada mesyuarat ini ahli majlis telah menimbang kertas cadangan Pelaksanaan Dasar Kemasukan Terbuka (Open Entry) untuk pelajar matang ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Mesyuarat ini secara tidak langsung menunjukkan kerajaan begitu komited untuk meningkatkan peluang untuk mengikuti pengajian tinggi kepada golongan kumpulan pelajar matang yang tidak mengikuti pengajian tinggi pada zamannya tetapi mempunyai pengalaman yang boleh diiktiraf sebelum memohon semula ke IPT. Isu ini juga sejajar dengan laporan Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe- 9), yang mana dalam teras ke dua kerajaan ingin meningkatkan keupayaan pengetahuan, kreativiti dan inovasi negara serta memupuk 'minda kelas pertama'.

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) mempunyai visi untuk menjadikan Malaysia Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi Menjelang Tahun 2020. Misi yang didukung oleh KPTM adalah untuk membangun dan mewujudkan persekitaran pengajian tinggi yang menggalakkan ke arah menghasilkan pusat ilmu yang unggul dan insan yang kompeten, berinovasi serta berakhlak mulia untuk memenuhi keperluan negara dan antarabangsa. Dalam mencapai dan memenuhi visi dan misi KPTM, antara objektif yang dirangka bagi memantapkan institusi pengajian tinggi awam

di Malaysia adalah untuk memastikan sekurang-kurangnya 75% pensyarah institusi pengajian tinggi awam mempunyai kelayakan ijazah Doktor Falsafah atau setaraf dengannya dan 30% pensyarah politeknik dan kolej komuniti mempunyai kelayakan ijazah Sarjana, Doktor Falsafah atau setaraf dengannya.

1.3 Pernyataan Masalah

Menurut Musa Mohamad (2002), pelaksanaan program untuk menukarkan pengalaman kerja kepada mata kredit bagi meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi perlu dilakukan. Menurut beliau lagi pengalaman kerja yang dikutip sewaktu bekerja adalah setara dengan pengetahuan yang diperolehi di universiti yang mana sepatutnya memperolehi kredit pengecualian untuk layak masuk universiti. Isu ini juga di bantangkan oleh Lembaga Akreditasi Pendidikan Vokasional Dan Latihan di Australia pada April 2007, dimana Lembaga Penilaian Kurikulum mencadangkan agar mengenalpasti keratan rentas dalam cadangan sokongan untuk pengiktirafan pengetahuan terdahulu.

Oleh itu, pengalaman ini perlu diterjemahkan untuk menyediakan satu laluan alternatif jangka pendek sebagai persediaan untuk ke peringkat yang lebih tinggi. Berdasarkan kepada isu tadi, wujud masalah untuk menilai dan mengiktiraf kemahiran dan pengetahuan terdahulu yang ada pada individu tertentu untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi terutamanya dalam latihan guru PTV. Masalah ini timbul apabila mereka melanjutkan pelajaran dan terpaksa mengambil jam kredit yang setara dengan pelajar baru yang lain walhal melalui pengalaman yang ada pada mereka, mereka boleh mendapatkan pengecualian kredit berdasarkan kemahiran dan pengalaman yang ada semasa melanjutkan pelajaran.

RUJUKAN

Academic Advising Centre (2005). "Student Handbook – Credit for Prior Learning."
University of Alaska Fairbanks.

Andrea Bateman (2003). "Giving credit : A review of RPL and credit transfer in the
vocational education and training sector, 1995 to 2001." Published by NCVET,
Australia. pp. 15-44.

Ariffin Ba'ada (2003). "Pembangunan Sumber Manusia: Melalui Perspektif
Pembangunan Pendidikan 2001-2010 Kementerian Pendidikan Malaysia."
Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan, 13 (2), 81-88.

Asset skills (2007). "APEL route for Energy Assessment (Operational Ratings, Display
Energy Certificates And Advisory Reports)." Exeter.

Australia Life Saving Academy (2007). "Guidelines for Applying for Recognition of
Prior Learning (RPL), For Application." Surf Life Saving NSW.

Bourner, T. (1998). "More Knowledge, New Knowledge: The Impact On Education And
Training." Journal Of Education And Training, Vol. 40 (1), pp. 11-14.

Chua Yan Piaw (2006a). "Kaedah Penyelidikan." Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn.Bhd.
Kuala Lumpur.

- Chua Yan Piaw (2006b). "Asas Statistik Penyelidikan : kaedah dan Statistik Penyelidikan". Kuala Lumpur : Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn.Bhd.
- Cristina Santamarina Siurana, Jacobo Navarro De Peralta Garcia dan Vicente Cloquell Ballester (2002). "Global Accreditation Trends In Engineering Education." University of Valencia, Spain. pp. 1-6.
- Christopher Prince (2004). "University Accreditation and The Corporate Learning Agenda." Journal of Management Development. Nottingham, UK. Vol. 23 No. 3, pp. 256-269.
- Connie Harrison (2005). "Best Practices in Prior Learning Assessment and Recognition (PLAR) Handbook." Alberta Council on Admissions and Transfer.
- Downs, S. (1998). "Technological Change And Education And Training." Journal Of Education And Training. Vol. 40 (1), pp. 18-19.
- Fernando Ocampo-Canabal (2000). "Engineering Accreditation in Mexico." *International Journal Engineering Education*. 16 (2), 165-168.
- Fowler, G. (1998). "Improving Vocational Training. Journal Of Education And Training." Vol. 40 (6/7), pp. 242-243.
- Gibbs, P.T. dan Morris, A. F. (2001). "The Accreditation of Work Experience: Whose Interests are Served?" *The Learning Organization*. 8 (2).
- Grant Harman dan V Lynn Meek (2000). "Repositioning Quality Assurance and Accreditation in Australian Higher Education. Evaluations and Investigations Programme Higher Education Division. University of New England." Vol 2. pp. 2-10.

Hands-On Training Manual On Peer Review for Accreditation of Academic Institutions and Programs (2002). Indian Council of Agricultural Research.

Harvinder Kaur Dharam Singh (2007). "A Guide For Developing Your Portfolio (Postgraduate)." Centre For Assessment of Prior Learning, Open University Malaysia.

Ho Siew Lan (2006). " Guide to Open Entry and Recognition of Prior Learning." Open University Malaysia.

Jailani, Wan Mohd Rashid, Noraini dan Wahid (2006). "Technical & Vocational Education & Training (TVET) from Malaysia Perspective." 2nd International TT-TVET EU-Asia-Link project Meeting, VEDC Malang.

Jailani Md Yunos (2004). "Views from the field, UNESCO International Meeting on Innovation and Excellence in TVET Teacher/Trainer Education (2004)." 8 -10 November 2004, Hangzhou, China.

John Wilcox and Richard Brown (2003). "Accreditation Of Prior And Experiential Learning". UK Centre for Material education (APEL), Bradford College. Version 4.

J Maczeck (2003). "Recognition To Prior Learning and Articulation." Mechanical Engineering Department, Nelson Mandela Metropolitan University, South Africa. Rev.1.

John W. Prados, eorge D. Peteson dan Lias R. Lattuca (2005). "Quality Assurance of Engineering Education through Accreditation : The Impact of Engineering Criteria 2000 And Its Global Influence." Journal of Engineering Education.165-184.

Kamus Federal-Chambers (2000). "Chambers Harrap Publishers Ltd, Times Media private Limited." National University of Singapore.

Kerangka Kelayakan Malaysia (2007). "Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia."

Kod Amalan Jaminan Kualiti (IPTA) (2005). Bahagian Jaminan Kualiti, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.

Kondapalli Rama (2003). "Assesment And Accrditation of Teacher Education, Institutions : A Strategic step to improve Teacher Quality." National Assesment & Accreditation Council (NAAC), Banalore. pp. 1-10.

Kramlee Mustapha, Ruhizan Mohd Yasin Dan Hamdan Mohd Ali (2003). "Integrasi Akademik dan Vokasional: Rasional dan Cabaran." *Jurnal Pendidikan*. 28, 77-90.

Laporan Strategi Dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (2007).

Ligaya D. Valmonte (2006). "Achieving Sustainable Development Through TVET: Experiences Of International Organizations Working With Members States In Asia And The Pasific."

Mohd Khairul Nizam Ibrahim (2005). "Meninjau Amalan Akreditasi di Amerika Utara." *Buletin LAN Vol.4 No.2*.

Mohd Majid Konting (2004). "Kaedah Penyelidikan pendidikan." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Nor Husain (2003). "Buletin Akademik." Batu Pahat: KUiTTHO

Muhammad Muammar Gadaffi Omar dan Ho Siew Lan (2004). "Perakuan Akreditasi LAN: Benchmark Kualiti Kursus Pengajian." *Buletin LAN Vol 3 No.2*.

Musa Mohammad (2002). "Credit For Work Experience." International Postgraduate Facilitator Management CENTRE, Malaysia.

Nelson Marlborough Institute Of Technology (NMIT) (2007). "Guidelines for Applying for Recognition of Prior Learning (RPL)." ITPNZ Academy Quality Standard : 9.0.

Noraini, Aleix, Hans-Dieter, Pekka, Suwarno (2007). "Accreditation of prior and experiential learning in the context of Teacher Education for TVET". Report of Working Group 3 at The 4th International Meeting of the TT-TVET Project. 29.10. - 2.11.2007, Melaka, Malaysia.

Norhayati Arifin (2005). "Persepsi Pelajar Terhadap Sikap, Pengetahuan & Kemahiran Dalam Mata Pelajaran Vokasional (MPV) di Sekolah Menengah Akademik di BP, Johor." Tesis Sarjana KUiTTHO.

Panduan Perlaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah Pentauliahkan Pencapaian terdahulu (PPT) (2007). Jabatan Pembangunan Kemahiran Sumber Manusia, Malaysia.

P. Fleming (2003). "Achieving A National Qualifications Framework. Conference on the Reform of Technical and Vocational Education and Training (TVET)." Gaborone, Botswana. August 4-6, 2003.

Rancangan Malaysia Kesembilan 2006 – 2010: Memperkukuhkan Modal Insan, muka surat 249, Bab 11.

- Rahimah Binti Abdul Rahman (2007). "Rekabentuk Kerangka Piawaian Nasional Program Kejurulatihan TVET: Perspektif Pusat Latihan Di Malaysia." Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Muka surat 60-69, Bab V.
- R. Natarajan (2000). "The Role Of Accreditation in Promoting Quality Assurance of Technical education." *International Journal Engineering Education*. 16 (2), 85-96.
- Rumsey, R (1994). "*Assessment: practical guide.*" Department of Employment, Education and Training, AGPS, Canberra.
- Sabitha Marican (2005). "*Kaedah Penyelidikan Sains Sosial.*" Petaling Jaya, Selangor : Prentice Hall.
- Stanislav Karapetrovic and Walte Willborn (1997). "Research and Concepts : Creating Zero-defect Students." *The TQM Magazine*. Vol. 9 (4). pp. 287-297.
- Tim Jackson (2007). "Accreditation of Prior Learning Handbook." Sparsholt College Hampshire Incorporating Andover College. Vol. 1 (1). pp. 1-13.
- Wahid Razzaly, Jailani Md Yunos, Wan Mohd Rashid Wan Ahmad, Noraini Kaprawi, Ghazaly Spahat (2006). "Approaching the change : KUiTTHO TVE Master Programme." *Transnational Symposium on Technical-Vocational Education and Training (TVET) : Curriculum Development and Standard.*
- Ward Mitchell Cates. Penterjemah: Syaharom Abdullah (1990). "Panduan Amali Untuk Penyelidikan Pendidikan." Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wiersma W. (1995). "Research Methods in Education: An Introduction (6th)." Massachusetts: Allyn dan Bacon.

6.3 Sekiranya PAD tidak menjalankan tugas seperti yang dikehendaki, PAD berhak untuk diambil tindakan seperti berikut:

6.3.1 Memberi penjelasan secara bertulis,

6.3.2 Menggantung lantikan PAD untuk sesuatu tempoh yang ditetapkan serta manariki balik lantikan PAD.

7.0 PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AUDIT LUARAN (PAL)

7.1 PAL boleh dilantik jika mempunyai kualiti seperti berikut:

7.1.1 Mempunyai pengalaman sebagai PAD sekurang-kurangnya 3 tahun dan telah menilai sekurang-kurangnya 30 buah portfolio dan MPP.

7.1.2 Berpengetahuan di dalam bidang yang berkaitan.

7.1.3 Mempunyai masa dan berminat untuk melaksanakan tugas sebagai PAL di dalam bidang yang dilantik.

7.1.4 Mampu melaksanakan verifikasi terhadap penilaian yang dilakukan oleh PAD dan mengesahkannya.

7.2 Lawatan verifikasi PAL akan diaturkan setelah mendapat permintaan daripada PAD.

7.3 PAL membuat pengesahan dan mengeluarkan surat dan laporan pengesahan kepada pihak berkenaan berkenaan dengan pengetahuan tekumpul calon dalam tempoh 2 minggu selepas penilaian terakhir dibuat.

8.0 PENUTUP

Kerangka ini diharapkan dapat membantu untuk memahami mengenai pelaksanaan sistem pengiktirafan pengetahuan terdahulu bagi latihan guru khususnya dari aspek permohonan, penilaian dan peraturan kemasukan. Semua yang terlibat dalam pengiktirafan dapat melaksanakan mengikut kaedah dan proses yang telah ditetapkan.

9.0 CARTA ALIR KERJA

Carta alir Kerangka Sistem untuk Pengiktirafan Pengetahuan Terkumpul bagi latihan guru PLTV seperti di **LAMPIRAN A**.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH